

07 NOV 2002

MAHATHIR-GABUNG/I

KERAJAAN FLEKSIBEL DENGAN MASA PENGGABUNGAN BANK, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan fleksibel mengenai bila pusingan kedua proses penggabungan sektor perbankan perlu diadakan.

"Gabenor (Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz) menyebut 2005, tetapi kita tidak akan berkeras mengenainya," kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan.

Dr Mahathir berkata sebagai permulaannya kerajaan hanya mahu enam bank utama tetapi disebabkan oleh kesukaran yang timbul, 10 bank teras diwujudkan.

"Mungkin kemudiannya mereka (Bank Negara) mendapat ilham mengenai bilangan bank (yang akan) dikurangkan," beliau berkata selepas melancarkan dua model baru Proton iaitu Proton Arena dan Proton Waja 1.8, di Dataran Putrajaya di sini hari ini.

Pada Selasa, Dr Zeti mengumumkan bahawa Bank Negara menjangka pusingan kedua penggabungan kedua sektor perbankan akan berlaku dalam tempoh tiga atau empat tahun.

Beliau berkata Bank Negara akan "menyerahkannya kepada persekitaran yang kompetitif bagi menentukan jumlah bank-bank."

Pusingan penggabungan bank sebelumnya dimulakan oleh kerajaan pada 2002 apabila ia mengenakan syarat permodalan RM2 bilion oleh bank. Ini menyebabkan 54 bank dijadikan 10 kumpulan perbankan teras yang beroperasi hari ini. -- BERNAMA

AKT FR NHD